

**KESAN KAUNSELING *BRIEF* INDIVIDU KE ATAS PENGHARGAAN
KENDIRI DAN KADAR PONTENG PELAJAR PONTENG SEKOLAH**

oleh

RAHIMI BINTI CHE AMAN

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2006

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. yang amat pemurah lagi penyayang serta selawat dan salam ke atas pesuruhNya Muhammad S.A.W. Dengan keizinan, hidayah dan limpah kurniaNya, tesis ini dapat disempurnakan.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khas buat penyelia utama saya Profesor Madya Dr. See Ching Mey yang banyak memberi dorongan dan bimbingan bagi menyiapkan tesis ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan buat bekas penyelia bersama saya iaitu Profesor Dr. Zulkifli Mohamad Rasid yang turut memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam melengkapkan cadangan penyelidikan pada peringkat awal.

Kesempatan ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia yang telah menawarkan Skim Rancangan Latihan Kakitangan Akademik yang membolehkan saya melanjutkan pengajian ke peringkat doktor falsafah.

Penghargaan dan ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Pendidikan, Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed, Timbalan Dekan Penyelidikan, Profesor Madya Dr. Ahmad Nurulazam Md. Zain dan semua pensyarah daripada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang telah memberi tunjuk ajar dan membantu dalam menyiapkan tesis ini.

Penghargaan turut ditujukan buat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan pejabat pendidikan daerah yang telah memberi kebenaran bagi melaksanakan kajian ini. Kajian ini melibatkan pihak sekolah, guru kaunseling dan pelajar. Segala kerjasama dan sokongan yang diberikan bagi menjayakan kajian ini amat dihargai.

Akhir sekali ucapan terima kasih khas buat suami tercinta, Aruah Othman, ibu bapa tersayang Che Rani Rashid, Che Aman Ali dan Halijah Arifin. Buat putera-putera yang dikasihi Muhammad Aqil, Muhammad Amirul dan Muhammad Akmal.

Segala pengorbanan dan sokongan kalian amat bermakna dalam menyempurnakan tesis ini.

Ucapan ribuan terima kasih turut ditujukan buat semua ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan moral dalam menyiapkan tesis ini.

Terima kasih.

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB SATU : PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Penggunaan Istilah Kaunseling <i>Brief</i>	6
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Senario Permasalahan Kini	12
1.4 Pernyataan Masalah	20
1.5 Rasional Kajian	22
1.6 Persoalan Kajian	26
1.7 Objektif Kajian	27
1.8 Hipotesis Kajian	29
1.9 Kepentingan Kajian	30
1.10 Batasan Kajian	33
1.11 Definisi Operasional	34
1.12 Kerangka Konsep Kajian	39
1.13 Kerangka Teori Kajian	42

BAB DUA : TINJAUAN BACAAN BERKAITAN

2.0	Pengenalan	44
2.1	Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling	46
2.2	Kaunseling <i>Brief</i>	50
2.2.1	Definisi Kaunseling <i>Brief</i>	50
2.2.2	Sejarah Kaunseling <i>Brief</i>	51
2.2.3	Pendekatan Kaunseling <i>Brief</i>	54
2.2.3.1	Pendekatan Kaunseling Strategik (MRI)	55
2.2.3.2	Pendekatan Kaunseling <i>Solution Focused (BFTC)</i>	56
2.2.4	Ciri-ciri Kaunseling <i>Brief</i>	57
2.2.4.1	Batasan Masa	58
2.2.4.2	Fokus Kepada Penyelesaian	59
2.2.4.3	Berasaskan Tindakan	60
2.2.4.4	Interaksi Sosial	61
2.2.4.5	Berorientasikan Ketelitian	62
2.2.4.6	<i>Humor</i>	62
2.2.4.7	Perkembangan	63
2.2.4.8	Perhubungan	64
2.2.5	Proses Kaunseling <i>Brief</i>	65
2.2.6	Kebaikan Dan Kelemahan Kaunseling <i>Brief</i>	70
2.2.6.1	Kebaikan Kaunseling <i>Brief</i>	70
2.2.6.2	Kelemahan Kaunseling <i>Brief</i>	71
2.3	Ponteng Sekolah Dan Penghargaan Kendiri	72
2.3.1	Ponteng Sekolah	73
2.3.2	Penghargaan Kendiri	82
2.3.3	Perbezaan Jantina	86
2.4	Kajian-kajian Impak Kaunseling <i>Brief</i>	87
2.4.1	Kesesuaian Penggunaan Kaunseling <i>Brief</i> Dalam Konteks Institusi Pendidikan	87
2.4.2	Kajian-kajian Tentang Kaunseling <i>Brief</i>	92
2.5	Rumusan	104

BAB TIGA : METODOLOGI

3.0	Pendahuluan	106
3.1	Variabel	107
3.1.1	Variabel Bebas	107
3.1.2	Variabel Bersandar	109
3.1.3	Faktor Jantina	109
3.2	Pendekatan Kajian	110
3.2.1	Pendekatan Kajian Kuantitatif	110
3.2.2	Rasional Pemilihan Kajian Kuantitatif	111
3.2.3	Pendekatan Kajian Kualitatif	113
3.2.4	Rasional Pemilihan Kajian Kualitatif	115
3.3	Rekabentuk Kajian	116
3.3.1	Fasa Penerokaan	117
3.3.2	Fasa Intervensi	118
3.3.3	Fasa Penilaian	119
3.4	Teknik Persampelan	120
3.4.1	Teknik Persampelan Fokus Kajian Kuantitatif	121
3.4.2	Teknik Persampelan Fokus Kajian Kualitatif	121
3.5	Sampel Kajian	122
3.5.1	Sampel Kajian Kuantitatif	122
3.5.2	Subjek Kajian Kualitatif	123
	3.5.2.1 Subjek Daripada Kategori Pelajar Ponteng	123
	3.5.2.2 Subjek Daripada Kategori Guru Kaunseling	124
3.6	Instrumen Kajian	125
3.6.1	Instrumen Untuk Mengukur Kadar Ponteng	126
3.6.2	Inventori Penghargaan Kendiri	126
	3.6.2.1 Terjemahan Bahasa Inventori Penghargaan Kendiri Coopersmith	128
	3.6.2.2 Kebolehpercayaan Inventori Penghargaan Kendiri Coopersmith	128

3.6.3	Modul Kaunseling <i>Brief</i>	129
3.7	Prosedur Kajian	130
3.8	Teknik Pengumpulan Data	133
3.8.1	Data Kuantitatif	133
3.8.2	Data Kualitatif	134
3.9	Analisis Data	135
3.9.1	Analisis Data Kuantitatif	136
3.9.2	Analisis Data Kualitatif	136
3.10	Rumusan	140

BAB EMPAT : DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	141
4.1	Dapatan Kajian Kuantitatif	141
4.1.1	Data Deskriptif	142
4.1.2	Keputusan Analisis Data	145
4.1.2.1	Keputusan Hipotesis Pertama	145
4.1.2.2	Keputusan Hipotesis Kedua	147
4.1.2.3	Keputusan Hipotesis Ketiga	147
4.1.2.4	Keputusan Hipotesis Keempat	149
4.1.2.5	Keputusan Hipotesis Kelima	150
4.1.2.6	Rumusan Pengujian Hipotesis	153
4.1.2.7	Analisis Tambahan Bagi Kadar Ponteng	154
4.1.2.8	Analisis Tambahan Bagi Penghargaan Kendiri	159
4.2	Dapatan Kajian Kualitatif	167
4.2.1	Persoalan Kajian Keenam	168
4.2.1.1	Pandangan Guru Kaunseling Tentang Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah	168
4.2.1.2	Pandangan Subjek Tentang Perkhidmatan Kaunseling Di Sekolah	172

4.2.1.3	Pandangan Guru Kaunseling Dan Subjek Tentang Punca Kegiatan Ponteng Sekolah	178
4.2.1.4	Pandangan Guru Kaunseling Dan Subjek Tentang Penghargaan Kendiri	185
4.2.2	Persoalan Kajian Ketujuh	187
4.2.2.1	Perhubungan Guru Kaunseling Dengan Subjek Dalam Sesi Kaunseling Individu	187
4.2.2.2	Kesediaan Guru Kaunseling Menggunakan (Kaedah Kaunseling <i>Brief</i> atau Kaedah Kaunseling Pendekatan Sedia Ada)	189
4.2.2.3	Pencapaian Matlamat Sesi Kaunseling	192
4.2.2.4	Bilangan Sesi Kaunseling	193
4.2.3	Persoalan Kajian Kelapan	195
4.2.3.1	Perhubungan Subjek Dengan Guru Kaunseling	196
4.2.3.2	Penerimaan Subjek Terhadap Sesi Kaunseling	199
4.2.3.3	Proses Kaunseling	201
4.2.3.4	Pencapaian Matlamat Sesi Kaunseling	203
4.2.3.5	Bilangan Sesi Kaunseling	205
4.2.4	Persoalan Kajian Kesembilan	207
4.2.4.1	Di manakah Subjek Mendapatkan Bantuan Kumpulan Kawalan	207
4.2.4.2	Siapakah Subjek Temui Untuk Mendapatkan Bantuan	209
4.2.4.3	Bagaimana Mendapatkan Bantuan	210
4.2.4.4	Perubahan Berlaku Atau Tidak	210
4.3	Rumusan	212

BAB LIMA : PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.0	Pengenalan	214
5.1	Kesan Kumpulan Kaunseling <i>Brief</i> , Kumpulan Kaunseling Yang Menggunakan Pendekatan Sedia Ada dan Kumpulan Kawalan Terhadap Kadar Ponteng Sekolah	216
5.2	Kesan Perbezaan Jantina Subjek Bagi Kumpulan Kaunseling <i>Brief</i> , Kumpulan Kaunseling Yang Menggunakan Pendekatan Sedia Ada Dan Kumpulan Kawalan Terhadap Kadar Ponteng	218
5.3	Kesan Kumpulan Kaunseling <i>Brief</i> , Kumpulan Kaunseling Yang Menggunakan Pendekatan Sedia Ada dan Kumpulan Kawalan Terhadap Penghargaan Kendiri Subjek	219
5.4	Kesan Perbezaan Jantina Subjek Bagi Kumpulan Kaunseling <i>Brief</i> , Kumpulan Kaunseling Yang Menggunakan Pendekatan Sedia Ada dan Kumpulan Kawalan Terhadap Penghargaan Kendiri	221
5.5	Perhubungan Antara Kadar Ponteng Sekolah Dengan Penghargaan Kendiri	224
5.6	Pandangan Guru Kaunseling Dan Subjek Tentang Aspek Perkhidmatan Kaunseling, Kegiatan Ponteng Sekolah Dan Penghargaan Kendiri	225
5.7	Pandangan Guru Kaunseling Daripada Kumpulan Kaunseling <i>Brief</i> Dan Kumpulan Kaunseling Yang Menggunakan Pendekatan Sedia Ada Tentang Perhubungan, Ketersediaan, Matlamat Serta Bilangan Sesi Kaunseling	232

5.8	Perbincangan Dapatan Kajian Tentang Pandangan Subjek Kumpulan Kaunseling <i>Brief</i> Dan Kumpulan Kaunseling Yang Menggunakan Pendekatan Sedia Ada Tentang Perhubungan, Penerimaan, Proses, Matlamat Serta Bilangan Sesi Kaunseling	235
5.9	Pandangan Subjek Kumpulan Kawalan Tentang Siapa, Di mana, Bagaimana Serta Aspek Perubahan	239
5.10	Implikasi Kajian	242
5.11	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	245
5.12	Kesimpulan	246
	BIBLIOGRAFI	248

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Pekeliling Ikhtisas Guru Kaunseling Sepenuh Masa (1996-2002)
LAMPIRAN B	Soal Selidik Isu Dan Bilangan Sesi Kaunseling Individu Pelajar Sekolah Menengah
LAMPIRAN C	Rekod Analisis Salah Laku
LAMPIRAN D	Modul Kaunseling <i>Brief</i>
LAMPIRAN E	Garis Panduan Perlaksanaan Kaunseling Pendekatan Sedia Ada
LAMPIRAN F	Soalan Temu Bual Separa Berstruktur (Fasa Penerokaan)
LAMPIRAN G	Inventori Penghargaan Kendiri Coopersmith
LAMPIRAN H	Soalan Temu Bual Separa Berstruktur (Fasa Penamatan/Penilaian)
LAMPIRAN I	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Kementerian Pendidikan Malaysia
LAMPIRAN J	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
LAMPIRAN K	Data Analisis Ujian t Berpasangan Bagi Tiga Kumpulan Dan Jantina
LAMPIRAN L	Transkripsi Temu Bual Dengan Guru Kaunseling Dan Subjek

SENARAI JADUAL

Muka surat

1.1	Kekerapan Pelajar Mendapatkan Khidmat Kaunseling Individu	15
2.1	Pandangan Guru Terhadap Tanggungjawab Guru Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah	89
3.1	Pembahagian Sampel Kajian Kuantitatif Mengikut Kaedah Kaunseling Dan Jantina	122
3.2	Pembahagian Subjek Kajian Kualitatif Mengikut Kaedah Kaunseling Dan Jantina	124
3.3	Amalan Pendekatan Guru Kaunseling Sebelum Kajian	125
3.4	Pembahagian Item Positif Dan Negatif Bagi Inventori Penghargaan Kendiri Coopersmith	127
3.5	Item-item Dalam Sub Skala Penghargaan Kendiri	127
3.6	Fasa-fasa Kajian Lapangan	135
4.1	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Kadar Ponteng Subjek Daripada KKB, KKPS Dan KK	142
4.2	Min Dan Sisihan Piawai Bagi Penghargaan Kendiri Subjek Daripada KKB, KKPS Dan KK	144
4.3	Ujian ANOVA Perbezaan Min Kadar Ponteng Bagi Kumpulan (KKB, KKPS dan KK) Dan Jantina Subjek	146
4.4	Skor Min Serta Ralat Piawai Kadar Ponteng Bagi KKB, KKPS Dan KK	146
4.5	Skor Min Dan Ralat Piawai Bagi Kadar Ponteng Untuk Subjek Lelaki Dan Perempuan	147
4.6	Ujian ANOVA Ukuran Berulang Bagi Perbezaan Min Penghargaan Kendiri Antara Subjek Lelaki Dan Subjek Perempuan Untuk KKB, KKPS Dan KK	148
4.7	Skor Min Serta Ralat Piawai Penghargaan Kendiri Bagi KKB, KKPS Dan KK	148
4.8	Skor Min Dan Ralat Piawai Bagi Penghargaan Kendiri Subjek Lelaki Dan Subjek Perempuan	149
4.9	Ujian Pos-hoc	149
4.10	Ujian Korelasi Pearson Antara Kadar Ponteng Dengan Penghargaan Kendiri Subjek	152

4.11	Rumusan Pengujian Hipotesis	153
4.12	Ujian Kesan Dalam Kalangan Subjek Bagi Kadar Ponteng Fasa Sebelum Rawatan, Fasa Semasa Rawatan, Fasa Susulan Pertama Dan Fasa Susulan Kedua (<i>Within-Subjects Effects</i>)	154
4.13	Enam Pasang Ujian t Bagi Perbandingan Fasa Rawatan Untuk KKB, KKPS Dan KK Terhadap Kadar Ponteng	155
4.14	Nilai Alpha Bagi Menentukan Aras Signifikan Ujian t Untuk Pasangan Dalam KKB, KKPS Dan KK Terhadap Kadar Ponteng	156
4.15	Ujian t Berpasangan Bagi Kadar Ponteng KKB	156
4.16	Ujian t Berpasangan Bagi Kadar Ponteng KKPS	157
4.17	Ujian t Berpasangan Bagi Kadar Ponteng KK	159
4.18	Ujian Kesan Dalam Kalangan Subjek Bagi Penghargaan Kendiri Fasa Sebelum Rawatan, Fasa Semasa Rawatan, Fasa Susulan Pertama Dan Fasa Susulan Kedua (<i>Within-Subjects Effects</i>)	160
4.19	Enam Pasang Ujian t Bagi Perbandingan Fasa Rawatan Untuk KKB, KKPS Dan KK Terhadap Penghargaan Kendiri	161
4.20	Nilai Alpha Bagi Menentukan Aras Signifikan Ujian t Untuk Pasangan Dalam KKB, KKPS Dan KK Terhadap Penghargaan Kendiri	162
4.21	Ujian t Berpasangan Bagi Penghargaan Kendiri KKB	162
4.22	Ujian t Berpasangan Bagi Penghargaan Kendiri KKPS	164
4.23	Ujian t Berpasangan Bagi Penghargaan Kendiri KK	165
4.24	Pandangan Guru Kaunseling Tentang Nisbah Guru Kaunseling Kepada Subjek	169
4.25	Pandangan Guru Kaunseling Tentang Pelbagai Tanggungjawab Yang Dihadapi	170
4.26	Pandangan Guru Kaunseling Tentang Kesiediaan Subjek Ponteng Sekolah Menghadiri Sesi Kaunseling Individu	171
4.27	Pandangan Subjek Tentang Perkhidmatan Kaunseling Individu	173
4.28	Pengalaman Mendapatkan Perkhidmatan Kaunseling Individu Di Sekolah	175
4.29	Jenis Kaunseling Pilihan Subjek	176

4.30	Pandangan Guru Kaunseling Tentang Faktor Kegiatan Ponteng Sekolah	179
4.31	Pandangan Subjek Lelaki Dan Perempuan Tentang Punca Kegiatan Ponteng Sekolah	182
4.32	Pandangan Guru Kaunseling Serta Subjek Lelaki Dan Perempuan Tentang Penghargaan Kendiri Subjek	185
4.33	Aspek Perhubungan Guru Kaunseling Dengan Subjek KKB Dan KKPS	188
4.34	Aspek Kesediaan Guru Kaunseling (KKB Dan KKPS) Menggunakan Kaedah Kaunseling Yang Diberi	190
4.35	Pencapaian Matlamat Sesi Kaunseling Daripada Pandangan Guru Kaunseling	192
4.36	Bilangan Sesi Kaunseling Daripada Pandangan Guru Kaunseling KKB Dan KKPS	194
4.37	Komponen Perhubungan Bagi Subjek Lelaki Dan Perempuan KKB Dan KKPS	196
4.38	Komponen Penerimaan Bagi Subjek Lelaki Dan Perempuan KKB Serta KKPS	199
4.39	Komponen Proses Kaunseling Bagi Subjek Lelaki Dan Perempuan KKB Dan KKPS	202
4.40	Pencapaian Matlamat Sesi Kaunseling Bagi Subjek Lelaki Dan Perempuan KKB Dan KKPS	204
4.41	Bilangan Sesi Kaunseling Bagi Subjek KKB Dan KKPS	206
4.42	Tempat Mendapatkan Bantuan Bagi Subjek KK	208
4.43	Individu Yang Ditemui Bagi Mendapatkan Bantuan	209
4.44	Perubahan Tentang Ponteng Sekolah Dan Penghargaan Kendiri Subjek KK	211

SENARAI RAJAH

	Muka surat
1.1 Isu Dan Bilangan Sesi Kaunseling Individu	17
1.2 Perbandingan Kadar Ponteng Sekolah	38
1.3 Kerangka Konsep Kajian	41
1.4 Kerangka Teori Kajian	43
2.1 Proses Kaunseling <i>Brief</i> Berasaskan Fokus Penyelesaian Strategi	66
3.1 Rekabentuk Kajian Kuasi Eksperimen <i>Pretest-Posttest Control Group Design</i>	112
3.2 Rekabentuk Kajian Gabungan Pendekatan Kuantitatif Dan Kualitatif	117
3.3 Proses Analisis Data Kualitatif	137

SENARAI SINGKATAN

KKB	Kumpulan Kaunseling <i>Brief</i>
KKPS	Kumpulan Kaunseling Yang Menggunakan Pendekatan Sedia Ada
KK	Kumpulan Kawalan
MRI	Mental Research Institute
BFTC	Brief Family Therapy Centre
S/1 - S/4	Subjek 1 – Subjek 4 (Subjek Perempuan Kumpulan Kaunseling <i>Brief</i>)
S/5 – S/8	Subjek 5 – Subjek 8 (Subjek Lelaki Kumpulan Kaunseling <i>Brief</i>)
S/9 – S/12	Subjek 9 – Subjek 12 (Subjek Perempuan Kumpulan Kaunseling Yang Menggunakan Pendekatan Sedia Ada)
S/13 – S/16	Subjek 13 – Subjek 16 (Subjek Lelaki Kumpulan Kaunseling Yang Menggunakan Pendekatan Sedia Ada)
S/17 – S/20	Subjek 17 – Subjek 20 (Subjek Perempuan Kumpulan Kawalan)
S/21 – S/24	Subjek 21 – Subjek 24 (Subjek Lelaki Kumpulan Kawalan)

KESAN KAUNSELING *BRIEF* INDIVIDU KE ATAS PENGHARGAAN KENDIRI DAN KADAR PONTENG PELAJAR PONTENG SEKOLAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kesan penggunaan kaedah kaunseling *brief* (fokus penyelesaian strategi) dalam kalangan pelajar ponteng sekolah (subjek kajian) terhadap kadar ponteng dan penghargaan sendiri. Kajian ini turut meneroka pandangan guru kaunseling dan subjek tentang perkhidmatan kaunseling, kegiatan ponteng sekolah, penghargaan sendiri dan proses kaunseling. Kajian ini melibatkan pendekatan kajian secara kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk kajian kuasi eksperimen digunakan dalam membandingkan kumpulan kaunseling *brief* (KKB) dengan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada (KKPS) dan kumpulan kawalan (KK). Data kuantitatif terdiri daripada kadar ponteng dan penghargaan sendiri (Inventori Penghargaan Kendiri Coopersmith, 1984). Data ini dianalisis menggunakan ANOVA dua-hala ukuran berulang dan korelasi Pearson. Data kualitatif diperoleh secara temu bual separa berstruktur dan melalui proses analisis kandungan.

Teknik persampelan pelbagai peringkat digunakan untuk mengenal pasti 90 pelajar (13 hingga 15 tahun) sebagai subjek dalam kajian ini. Mereka dipilih daripada lapan buah sekolah di Pulau Pinang. Teknik persampelan bertujuan digunakan dalam mengenal pasti 24 subjek daripada ketiga-tiga kumpulan bagi memperoleh data kualitatif. Lapan orang guru kaunseling turut terlibat dalam pemerolehan data kualitatif.

Dapatan data kuantitatif menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi ketiga-tiga kumpulan terhadap kadar ponteng [$F(2,84)=.48, p=.63$] dan penghargaan sendiri [$F(2,84)=1.18, p=.31$]. Bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan antara subjek lelaki dengan subjek perempuan terhadap

penghargaan sendiri [$F(1,84)=5.74$, $p=.02$]. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara kadar ponteng dengan penghargaan sendiri subjek. Analisis terperinci menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam tiga kumpulan bagi empat sela masa: fasa sebelum rawatan; fasa semasa rawatan; fasa susulan pertama dan fasa susulan kedua terhadap kadar ponteng dan penghargaan sendiri. Kumpulan kaunseling *brief* menunjukkan ketekalan penurunan kadar ponteng berbanding kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada dan kumpulan kawalan. Kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada dan kumpulan kawalan pula menunjukkan peningkatan kadar ponteng.

Dapatan data kualitatif menunjukkan guru kaunseling berhadapan dengan batasan masa dalam pengendalian sesi kaunseling individu kerana nisbah guru - pelajar yang tinggi, pelbagai tanggungjawab dan subjek tidak bersedia untuk menghadiri sesi kaunseling. Dalam kajian ini, hanya 50% daripada subjek pernah menghadiri sesi kaunseling. Hasil analisis juga mendapati kegiatan ponteng sekolah berpunca daripada faktor dalaman diri pelajar (seperti tidak minat dan malas) dan faktor luaran (seperti pengaruh rakan, kerja dan kemiskinan). Majoriti guru kaunseling dan subjek berpendapat subjek ponteng sekolah mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Kajian mendapati subjek yang menghadiri sesi kaunseling menunjukkan penurunan kadar ponteng dan peningkatan penghargaan sendiri berbanding subjek kumpulan kawalan.

EFFECTS OF INDIVIDUAL BRIEF COUNSELING ON STUDENT'S SELF-ESTEEM AND TRUANCY RATE AMONG TRUANT STUDENTS

ABSTRACT

The main objective of this research was to explore the effects of brief counseling method (strategic solution focused) toward truancy rate and self-esteem among truant students. This research also explored the respondents' opinions toward counseling services, truancy, self-esteem and the counseling processes. The research employed both quantitative and qualitative methods. The research was conducted using quasi-experiment design to compare brief counseling group with existing counseling group and control group. The quantitative data comprise students' truancy rate and self-esteem (Coopersmith Self-esteem Inventory, 1984). The data were analyzed using two-way ANOVA repeated measure and Pearson correlation. The qualitative data were gathered using interviews and were interpreted accordingly.

The research used multistage sampling technique to identify 90 students (13 – 15 year olds) in the groups (brief counseling group, existing counseling group, and control group). They were chosen from eight schools in Pulau Pinang, Malaysia. Purposive sampling technique was used to select 24 respondents (students) from the quasi-experiment group for qualitative data gathering purposes. Eight school counselors were also selected to participate in the qualitative data gathering process.

Findings from the quantitative data indicated that there was no significant difference between the three groups in term of truancy rate [$F(2,84) = .48, p = .63$] and self-esteem [$F(2,84) = 1.18, p = .31$]. However, there was a significant difference between male and female respondents toward self-esteem [$F(1,84) = 5.74, p = .02$]. In addition, there was no significant relationship between the truancy rate and self-esteem. Detail analysis illustrates, there was a significant difference in

three groups across the four phases: before treatment; during treatment; follow-up one and follow-up two in truancy rate and self-esteem. Brief counseling group indicated sustained decreased effects on students' truancy rate compared to existing counseling group and control group. Existing counseling group and control group indicated increase in truancy rate.

Findings from qualitative data revealed that school counselors encounter limitations in conducting individual counseling because of the high school counselor and students ratio, heavy work load and unwillingness of students to go through counseling. Only 50% of respondents attended counseling session. The analyses indicated that internal (e.g. lack of interest and laziness) and external (e.g. peer influence, work and poverty) factors contribute to the students' truancy. Majority of the school counselors and respondents perceived that truant students have low self-esteem. Respondents who attended the counseling sessions have indicated a decreased in their truancy rate and increase in their self-esteem compared to respondents from the control group.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah memainkan peranan penting dalam agenda pendidikan negara. Kepentingannya bagi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara dan menyahut cabaran Wawasan 2020 dengan memperkembangkan sumber manusia secara optimum di peringkat sekolah lagi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993). Pelbagai faktor di sekolah dan di luar sekolah yang menyebabkan perkhidmatan ini diperlukan bagi memenuhi pelbagai keperluan pelajar, pentadbir dan sistem pendidikan. Sekolah-sekolah moden dianggap tidak lengkap dan tidak memberikan perhatian kepada perkembangan keseluruhan pelajar jika perkhidmatan bimbingan dan kaunseling tidak disediakan (Suradi Salim, 1996).

Salah satu contoh perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang disediakan oleh guru kaunseling kepada pelajar adalah kaunseling individu. Vaught (1997); Gibson & Mitchell (1999); Neukrug (1999) dan Othman Mohamed (2000) memberi definisi kaunseling individu sebagai suatu perhubungan antara seorang guru kaunseling yang terlatih dengan seorang pelajar. Kaunseling individu mempunyai fokus terhadap aspek tertentu seperti penyesuaian diri pelajar, perkembangan ataupun pembuatan keputusan. Matlamat utama kaunseling individu adalah menolong pelajar supaya dapat berfungsi dalam keadaan yang sihat dari segi emosi dan mental.

Kriteria kaunseling yang dikemukakan oleh Suradi Salim (1996) adalah peruntukan masa yang mencukupi dalam perhubungan kaunseling. Masa mestilah cukup lama untuk membolehkan fungsi kaunseling itu dijalankan. Justeru segala bentuk kaunseling individu yang dikendalikan oleh guru kaunseling di sekolah adalah

tergolong dalam kategori kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada. Ini kerana pelaksanaan kaunseling individu di sekolah memerlukan masa yang lama dan ia tidak mengkhusus kepada aplikasi teori secara spesifik ataupun sukar untuk dilabelkan sebagai kaunseling secara tradisional. Lantaran pengkategorian kepada kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada adalah lebih sesuai dengan situasi kaunseling di sekolah masa kini.

Perkhidmatan kaunseling di sekolah mampu memberi kesan ke atas pendidikan dan perkembangan peribadi pelajar. Ia mempengaruhi secara positif kepada faktor-faktor yang berkaitan dengan perkembangan pendidikan seperti tingkah laku dalam kelas, sikap terhadap sekolah, kedatangan ke sekolah dan pembuatan keputusan (Edwin & Gerler, 1992 serta Evans & Carter, 1997). Berdasarkan pernyataan di atas dapat disimpulkan bahawa perkhidmatan kaunseling dapat memberi kesan ke atas kegiatan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar.

Schreiber & Kaplan (1964) menjelaskan bahawa perkhidmatan kaunseling memainkan peranan yang penting dalam program pendidikan, bagi membantu pelajar untuk terus kekal dan berjaya dalam sistem persekolahan. Guru kaunseling dapat membantu pelajar bagi mengurangkan kadar ponteng sekolah. Beliau menjelaskan bahawa pelajar yang terlibat dengan kegiatan ponteng sekolah harus dibantu, bagi membolehkan pelajar tersebut berjaya dalam alam persekolahan (Schreiber & Kaplan, 1964).

"A boy or a girl has only a limited time in their life in which to get an education and yet it will shape their whole lives and the lives of their children." (Schreiber & Kaplan, 1964)

Pernyataan di atas menggambarkan kepentingan perkhidmatan kaunseling dalam membantu pelajar agar bebas daripada kegiatan ponteng sekolah. Kegiatan ponteng sekolah akan memberi kesan kepada masa depan pelajar yang terlibat. Blair, Jones & Simpson (1991) menyatakan bahawa pelajar yang ponteng adalah individu yang tidak mahu ke sekolah atau merancang membuat kegiatan yang lain.

Ini menunjukkan bahawa guru seharusnya menganggap kegiatan ponteng sekolah sebagai satu tanda bahawa ada sesuatu yang tidak betul dengan keadaan sekolah dan juga pelajar itu sendiri. Pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah turut dikaitkan dengan kegiatan delinkuen dan jenayah (Tom, 1997).

Kegiatan ponteng sekolah dalam kalangan pelajar amat membimbangkan banyak pihak sama ada pihak ibu bapa ataupun pihak sekolah itu sendiri. Gejala ponteng sekolah tidak boleh dipandang remeh dan dibiarkan terus berleluasa di sekolah (Norulhuda Sarnon & Khaidzir Ismail, 2002). Lantaran itu pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah perlu dibantu oleh pihak sekolah terutamanya guru kaunseling. Reid (2000) mendapati pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah adalah pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang rendah. Terdapat pelbagai faktor lain yang menyebabkan seseorang pelajar tersebut melibatkan diri dalam kegiatan ponteng sekolah, seperti faktor sekolah, rakan sebaya, keluarga dan peribadi.

Namun dalam kajian ini tumpuan hanya diberikan kepada aspek penghargaan sendiri pelajar tersebut. Memandangkan dalam hubungan menolong yang dikendalikan oleh guru kaunseling semasa sesi kaunseling, impak yang besar adalah kepada pelajar yang menjadi klien di dalam sesi kaunseling tersebut. Jelas membawa maksud guru kaunseling berkemampuan untuk membantu pelajar itu sendiri dan bukannya keluarga, sekolah ataupun rakan sebaya. Perkara asas adalah diri pelajar itu sendiri yang mampu dibantu untuk berubah dan bukannya individu lain yang diluar kemampuan pelajar. Lantaran perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan oleh guru kaunseling dipercayai mampu meningkatkan penghargaan sendiri pelajar dan secara langsung dapat mengurangkan kadar ponteng sekolah.

Ini memandangkan pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi akan berhadapan dengan tugas hidup secara yakin dan mempunyai jangkaan mencapai kejayaan serta bahagia dalam hidup. Di samping itu penghargaan sendiri

yang tinggi merupakan salah satu sumber motivasi kepada pelajar untuk berjaya dalam hidup, dan secara khususnya kejayaan di sekolah (Sweeney, 1998). Manakala Eggen & Kauchak (2001) menyatakan bahawa penghargaan sendiri yang tinggi merupakan suatu entiti yang diperlukan untuk melahirkan keperibadian yang sejahtera dan merupakan syarat bagi mencapai kejayaan dalam bidang akademik.

Kesimpulannya, aspek penghargaan sendiri merupakan suatu entiti yang amat diperlukan dalam membentuk keperibadian pelajar yang positif. Justeru penghargaan sendiri yang tinggi merupakan elemen yang mampu mengurangkan kadar ponteng dalam kalangan pelajar. Kesemua perkara di atas haruslah menjadi pertimbangan oleh seseorang guru kaunseling dalam menjalankan tugas mereka sebaik mungkin kepada pelajar.

Namun persoalannya adalah setiap tahun bilangan pelajar yang mendaftar masuk ke sekolah menengah di negara ini bertambah. Ini bermakna peranan guru kaunseling dalam mengendalikan sesi kaunseling individu juga bertambah selaras dengan pertambahan bilangan pelajar. Kesuntukan masa merupakan suatu persoalan yang ditimbulkan oleh guru-guru kaunseling bagi berhadapan dengan bilangan pelajar yang ramai serta bebanan tugas yang pelbagai.

Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (2003) turut menjelaskan bahawa guru kaunseling terpaksa menghadapi pelbagai halangan dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru kaunseling, seperti masalah masa yang tidak mencukupi, tidak ada kemudahan tempat kerja, kekurangan kewangan dan pelbagai masalah lain yang sering dibincangkan. Justeru, suatu kaedah kaunseling yang ringkas, mudah serta menjimatkan masa adalah difikirkan lebih bersesuaian dengan senario persekolahan kini seperti mana yang disarankan oleh Amatea & Sherrard (1991) serta Birdsall & Miller (2002).

Selaras dengan itu Nelson (2002) turut menyokong bahawa guru kaunseling yang berpeluang melaksanakan khidmat kaunseling individu dengan pelajar haruslah memastikan sesi kaunseling yang ditawarkan adalah berbentuk kaunseling *brief*.

Kenyataan Nelson (2002) disokong oleh Lines (2002) bahawa segala bentuk pendekatan kaunseling di sekolah haruslah menggunakan kaedah kaunseling *brief*. Di mana kontrak kaunseling haruslah dalam jangka pendek. Memandangkan pelajar sekolah terutamanya sekolah menengah adalah dalam peringkat remaja yang berada dalam zaman perkembangan, di mana perubahan berlaku dengan cepat. Perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan kepada pelajar yang berada dalam kesulitan atau bermasalah akan dapat membantu pelajar tersebut berhadapan dengan masalah yang dihadapi dengan lebih berkesan. Secara tidak langsung apabila pelajar mengalami situasi berjaya untuk berhadapan dengan masalah tertentu, ini boleh membantu meningkatkan penghargaan sendiri pelajar tersebut.

Sehubungan dengan itu dapatan kajian di negara barat menjelaskan bahawa guru kaunseling memerlukan suatu kaedah kaunseling yang mempunyai batasan masa yang spesifik dan bersesuaian dengan realiti tanggungjawab seorang guru kaunseling yang berhadapan dengan masalah kesuntukan masa setiap hari (Littrell, Malia & Vanderwood, 1995). Selaras dengan pernyataan tersebut, Edwin & Gerler (1992) menyatakan bahawa guru kaunseling perlu secara berterusan mencari sesuatu yang inovatif bagi menjamin keberkesanan perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan.

Amatea & Sherrard (1991) menjelaskan bahawa kaunseling *brief* adalah suatu kaedah yang berkesan bagi menghasilkan perubahan dalam pelbagai jenis masalah berkaitan dengan pelajar di sekolah. Kenyataan di atas telah disokong oleh Steenbarger (1992) bahawa kaunseling *brief* mampu menghasilkan perubahan yang signifikan terhadap pelbagai jenis pelajar dan masalah. Beliau mengemukakan contoh masalah yang berjaya menghasilkan perubahan seperti tekanan, kekecewaan, bulimia, fobia dan masalah personaliti.

Senario ini membuatkan kajian yang dijalankan dapat mengenal pasti perbezaan kesan penggunaan kaedah kaunseling *brief* dan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada oleh guru kaunseling terhadap pelajar

lelaki dan perempuan yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah. Fokus kajian ini adalah berkaitan penggunaan kaedah kaunseling *brief* terhadap kadar ponteng dan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah. Di samping itu penerokaan maklumat turut dilakukan tentang perkhidmatan kaunseling, kegiatan ponteng sekolah dan penghargaan sendiri. Berkaitan penggunaan kaedah kaunseling yang telah digunakan dan diterima daripada guru kaunseling penelitian turut diberikan terhadap aspek perhubungan, kesediaan, penerimaan, proses kaunseling, pencapaian matlamat sesi kaunseling (mengurangkan kadar ponteng dan meningkatkan penghargaan sendiri pelajar) serta bilangan sesi kaunseling.

Berdasarkan pernyataan tersebut, *brief counseling* difikirkan adalah suatu kaedah alternatif yang inovatif, mampu menjamin keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang ditawarkan. Walau bagaimanapun masih timbul kekeliruan dalam penggunaan istilah '*brief counseling*'. Justeru itu, pengkaji ingin menyarankan penggunaan perkataan **kaunseling *brief*** bagi menggantikan perkataan '*brief counseling*' dalam kajian ini.

1.1 Penggunaan Istilah Kaunseling *Brief*

Saranan penggunaan istilah **kaunseling *brief*** bagi menggantikan '*brief counseling*' dalam kajian ini, memandangkan perkataan kaunseling singkat tidak dapat menggambarkan keseluruhan maksud '*brief counseling*' bagi kajian ini. Seandainya penggunaan perkataan kaunseling singkat ia menggambarkan kaunseling dalam masa yang terhad sahaja (singkat). Sebaliknya kaunseling *brief* dapat memberi makna bahawa dalam kajian ini kaunseling yang dijalankan adalah mempunyai had masa dan berorientasikan tindakan. Kaunseling *brief* ini bukan semata-mata cepat dan ringkas, sebaliknya ia memberi implikasi yang amat bernilai iaitu menggalakkan pelajar meneruskan kehidupan harian mereka tanpa bantuan daripada guru kaunseling.

Merujuk kepada perspektif guru kaunseling *brief* pula, matlamatnya adalah secepat mungkin untuk tidak melibatkan diri dalam kehidupan pelajar. Ini bermakna pelajar akan meneruskan kehidupannya secara berdikari. Struktur kaunseling *brief* dalam kajian ini adalah dirancang secara konseptual untuk menghadkan bilangan sesi intervensi kaunseling yang diberikan. Ini bermaksud struktur kaunseling *brief* yang dirancang oleh pihak pentadbiran ataupun tidak dirancang seperti penamatan pramatang yang dirancang dan tidak dirancang adalah tidak termasuk dalam kajian ini (Burlingame & Fuhrman, 1987). Rasional-rasional yang telah dijelaskan di atas membuatkan pengkaji menggunakan perkataan **kaunseling *brief*** dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejarah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malaysia telah bermula sejak tahun 1962 hasil daripada satu perakuan UNESCO kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan Malaysia bersikap positif dan mengambil inisiatif untuk memperkenalkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah (Abdul Rashid Mohamed, 2000). Semenjak bermulanya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah, pihak kementerian telah melakukan pelbagai usaha. Segala usaha tersebut adalah untuk menjadikan perkhidmatan ini berbentuk profesional dan dapat membantu pelajar dengan lebih efektif. Inisiatif yang telah diambil oleh pihak kementerian adalah dalam tahun 1970-an guru panduan dan kerjaya telah dilantik di sekolah-sekolah menengah berasrama penuh atau sekolah menengah sains.

Manakala inisiatif pihak kementerian yang paling bermakna adalah perlantikan guru kaunseling sepenuh masa pada tahun 1996. Perlantikan guru kaunseling sepenuh masa telah diluluskan dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat seperti yang telah dijelaskan dalam surat KP(BS-HEP)8543/60/(91) bertarikh 18 Mac 1996. Segala usaha ini bagi membolehkan guru kaunseling menumpukan sepenuh perhatian dalam menawarkan perkhidmatan bimbingan dan

kaunseling kepada warga sekolah. Hasrat utama adalah bagi membantu warga sekolah terutamanya pelajar memperkembangkan segala potensi yang ada bagi menjamin kesejahteraan hidup.

Walaupun perantaraan guru kaunseling sepenuh masa telah dilaksanakan semenjak tahun 1996, namun masih terdapat sekolah yang tidak mempunyai guru kaunseling sepenuh masa. Manakala bagi sekolah yang mempunyai guru kaunseling sepenuh masa, namun terdapat sekolah yang tidak menepati nisbah guru kaunseling kepada pelajar yang telah dinyatakan dalam Pekeliling Ikhtisas Guru Kaunseling Sepenuh Masa (1996-2002) . Merujuk kepada pekelliling tersebut, mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Julai 2001 telah bersetuju untuk mewujudkan jawatan guru bimbingan dan kaunseling sepenuh masa di sekolah menengah dengan nisbah seorang guru : 500 murid (rujuk Lampiran A). Bagaimanapun sehingga kini masih terdapat sekolah yang tidak menepati nisbah guru kaunseling kepada pelajar seperti yang termaktub dalam pekelliling tersebut.

Kemungkinan perkara sebegini berlaku disebabkan kekangan daripada aspek tertentu contohnya sumber tenaga kerja ataupun peruntukan yang lebih besar diperlukan untuk menyediakan dua orang guru kaunseling di sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar melebihi 500 orang. Lantaran penggunaan kaedah kaunseling *brief* merupakan suatu kaedah alternatif dalam menawarkan perkhidmatan kaunseling individu bagi berhadapan dengan kekangan di atas. Di mana guru kaunseling boleh mendapatkan latihan ataupun input berkaitan dengan kaedah kaunseling *brief* agar kaunseling yang dijalankan mengambil kira faktor kesuntukan masa dan resolusi ke arah pencapaian matlamat pelajar. Ini memandangkan tugas seorang guru kaunseling bukan hanya menawarkan perkhidmatan kaunseling individu, malahan pelbagai tugas lain yang harus dijalankan dengan sebaik mungkin bagi menjamin kesejahteraan pelajar dan guru di sekolah. Penggunaan kaedah kaunseling *brief* yang mengambil kira faktor batasan masa, mampu memberi ruang

kepada guru kaunseling untuk menjalankan segala tugas yang telah dipertanggungjawab secara profesional, beretika dan efektif.

Merujuk semula kepada Pekeliling Ikhtisas Guru Kaunseling Sepenuh Masa (1996-2002) di bawah senarai tugas seorang guru kaunseling (22 tugas yang disenaraikan) antaranya merancang, melaksanakan dan mengawal selia perkhidmatan kaunseling individu secara profesional dan beretika. Membuat penilaian aktiviti, modul, model, instrumen, pendekatan dan sebagainya secara menyeluruh bagi meningkatkan mutu dan profesionalisme perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah (rujuk Lampiran A). Kedua-dua tugas yang dipetik daripada senarai tugas guru kaunseling di sekolah amatlah berkaitan dengan kajian ini. Di mana guru kaunseling haruslah menawarkan perkhidmatan kaunseling individu secara profesional dan beretika kepada pelajar.

Di samping itu guru kaunseling haruslah menilai semula ataupun mempertingkatkan kemantapan pendekatan dan model yang bersesuaian dengan senario persekolahan kini yang semakin mencabar. Kajian ini difikirkan dapat membantu guru kaunseling menggunakan kaedah kaunseling *brief* sebagai kaedah alternatif dalam menawarkan perkhidmatan kaunseling individu bersesuaian dengan situasi tertentu di sekolah. Selaras dengan hasrat di atas guru kaunseling haruslah mempunyai komitmen untuk membantu pelajar mengurangkan perasaan ketidakselesaian, berpunca daripada masalah yang dihadapi. Secara tidak langsung pelajar akan dapat mencapai matlamat yang dibentuk secepat mungkin.

Kaedah kaunseling *brief* mempunyai lapan ciri yang menerangkan tentang keunikan kaunseling *brief* iaitu: (1) batasan masa, (2) fokus kepada penyelesaian, (3) berorientasikan tindakan, (4) interaksi sosial, (5) berorientasikan ketelitian, (6) menyelitikan unsur *humor*, (7) memberi perhatian kepada perkembangan, dan (8) berasaskan perhubungan (Littrell, 2000). Berdasarkan lapan ciri kaunseling *brief* yang dinyatakan di atas dapat menggambarkan tentang keunikan dan kesesuaian kaunseling *brief* di mana ia melahirkan suatu kaedah kaunseling yang ringkas, pa

mementingkan batasan masa serta membantu ke arah perubahan yang diinginkan oleh pelajar secepat mungkin.

Kaunseling *brief* ini bukan semata-mata ringkas, sebaliknya ringkas ini memberi implikasi yang amat bernilai iaitu menggalakkan pelajar meneruskan kehidupan harian mereka tanpa bantuan daripada guru kaunseling. Downing & Harrison (1992) menjelaskan bahawa ciri kaunseling *brief* yang efisien daripada segi masa adalah merupakan salah satu perkara yang diperlukan untuk menjadikan sesuatu pendekatan kaunseling tersebut efektif.

Merujuk daripada perspektif guru kaunseling *brief* pula, matlamatnya adalah secepat mungkin untuk tidak melibatkan diri dalam kehidupan pelajar. Ini bermakna pelajar akan meneruskan kehidupannya secara berdikari kerana seandainya matlamat yang kecil dibentuk pada peringkat awal telah tercapai, pelajar akan mempunyai rasa keyakinan untuk melalui dugaan hidup yang seterusnya. Kejayaan mencapai perubahan yang kecil di peringkat awal akan menjadi momentum untuk mencapai perubahan yang lebih besar pada masa akan datang.

Di samping itu terdapat suatu proses kaunseling *brief* yang biasa diaplikasikan dalam menawarkan khidmat kaunseling *brief* kepada pelajar. Proses kaunseling *brief* tersebut mempunyai empat langkah seperti mana yang dinyatakan oleh Bruce (1995) iaitu: Langkah 1- Wujudkan perhubungan dan kenal pasti masalah dalam istilah yang konkrit. Langkah 2- Kenal pasti jalan penyelesaian yang boleh dipertimbangkan dan yang telah dicuba. Langkah 3- Bentuk matlamat jangka pendek, matlamat berbentuk tingkah laku yang dipilih oleh pelajar dan dihadkan oleh guru kaunseling. Langkah 4- Aplikasi tugas intervensi yang ditentukan atau dinyatakan oleh guru kaunseling. Keempat-empat langkah di atas adalah fleksibel dan bukannya secara linear.

Namun dalam kajian ini proses kaunseling *brief* yang dikemukakan oleh Quick (1996) digunakan semasa mengendalikan sesi kaunseling *brief*. Proses tersebut dikenali sebagai Fokus Penyelesaian Strategi (*Strategic Solution Focused*)

adalah merupakan gabungan daripada dua pendekatan iaitu Terapi *Brief Strategi* (*Strategic Brief Therapy*) dan Terapi Fokus Penyelesaian (*Solution Focused Therapy*) yang mempunyai lima langkah iaitu;

Langkah 1: Kenal pasti masalah (spesifik)

Langkah 2: *Solution amplification*

Langkah 3: Penilaian jalan penyelesaian yang telah dan bakal dicuba

Langkah 4: Intervensi

Langkah 5: Perancangan untuk perkhidmatan tambahan

Kesimpulannya kajian ini memberi ruang kepada guru kaunseling menggunakan kaedah kaunseling *brief* dalam mengendalikan sesi kaunseling individu dengan subjek yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah. Kajian ini dapat mengenal pasti perbezaan kesan antara kumpulan kaunseling *brief* (KKB), kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada (KKPS) dan kumpulan kawalan (KK) terhadap kadar ponteng dan penghargaan sendiri subjek. Faktor jantina subjek turut diambil kira dalam perbandingan antara ketiga-tiga kumpulan tersebut terhadap kadar ponteng dan penghargaan sendiri.

Di samping itu penerokaan maklumat tentang perkhidmatan kaunseling, kegiatan ponteng sekolah dan penghargaan sendiri turut dikaji. Manakala aspek berkaitan kaedah kaunseling yang digunakan oleh guru kaunseling turut dikaji mengenai perhubungan, kesediaan, penerimaan, proses kaunseling, pencapaian matlamat sesi kaunseling dan bilangan sesi kaunseling.

Kajian-kajian yang telah dijalankan di negara barat merangkumi penggunaan kaunseling *brief* sama ada secara kaunseling individu (Thompson & Littrell, 1998; Amatea & Sherrard, 1991; Bruce & Hopper, 1997), kaunseling kelompok dan kaunseling dalam budaya suatu sekolah (La Fountain, Garner & Eliason, 1996; Littrell & Peterson, 2001; serta Newsome, 2005) adalah melibatkan pelajar sekolah. Kesemua kajian yang telah dijalankan ini terbukti kejayaan dan keberkesanan penggunaan kaedah kaunseling *brief* dengan pelbagai kategori masalah pelajar.

Contohnya kajian yang dilakukan oleh Littrell, Malia dan Vanderwood (1995) terhadap pelajar yang bermasalah akademik, kerjaya, peribadi dan sosial menunjukkan keberkesanan penggunaan kaedah kaunseling *brief*.

Namun belum ada satu kajian khusus tentang penggunaan kaedah kaunseling *brief* terhadap subjek yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah. Kesimpulannya kajian ini mampu memperlihatkan perbezaan kesan kumpulan kaunseling *brief*, kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada dan kumpulan kawalan terhadap kadar ponteng sekolah dan penghargaan sendiri subjek.

1.3 Senario Permasalahan Kini

Senario persekolahan kini menunjukkan nisbah guru kaunseling kepada pelajar adalah tidak menepati kehendak Pekeliling Ikhtisas Guru Kaunseling Sepenuh Masa (1996-2002). Ini dibuktikan melalui rekod pelajar di dua buah sekolah di negeri Pulau Pinang. Sebuah sekolah di Bukit Mertajam mempunyai seorang guru kaunseling sepenuh masa bertanggungjawab kepada 2300 orang pelajar, manakala di sebuah sekolah menengah di Butterworth mempunyai nisbah seorang guru kaunseling sepenuh masa kepada pelajar adalah 1 : 1400 (Rekod Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan A & Sekolah Menengah Kebangsaan B, 2002). Berdasarkan nisbah ini, dapat dibayangkan bebanan tugas seorang guru kaunseling yang perlu dipikul untuk menjalankan tugasnya sebaik mungkin. Lantaran guru kaunseling mempunyai batasan masa untuk menawarkan perkhidmatan kaunseling individu kepada bilangan pelajar yang ramai. Sememangnya tidak dapat dinafikan guru kaunseling di sekolah diberi seorang guru pembantu personalia, namun guru pembantu biasanya tidak mempunyai kelayakan yang sewajarnya dalam mengendalikan sesi kaunseling individu.

Seorang guru kaunseling bukan hanya perlu mengendalikan sesi kaunseling individu, malah pelbagai tugas lain yang harus dijalankan seperti kaunseling

kelompok, perundingan (*consultation*), bimbingan dan kaunseling, rakan sebaya, program-program motivasi dan kepimpinan, perkhidmatan kaunseling kerjaya, penyimpanan rekod-rekod dan lain-lain lagi.

Justeru kajian ini menyediakan suatu kaedah kaunseling alternatif kepada guru kaunseling di sekolah yang berhadapan dengan bilangan pelajar yang ramai. Alternatif yang dikemukakan adalah penggunaan kaedah kaunseling *brief* ketika mengendalikan sesi kaunseling individu dengan pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah.

Bagaimanapun aspek perbezaan kesan penggunaan kaedah kaunseling *brief* dan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada oleh guru kaunseling dalam mengendalikan kaunseling individu dengan subjek lelaki dan perempuan yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah perlu diberi perhatian. Ini memandangkan perbezaan kesan penggunaan kaedah kaunseling *brief* dan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada secara sistematik dalam kalangan guru kaunseling di sekolah adalah sesuatu yang baru. Jadi, dapatan kajian ini dapat memberi maklumat kepada guru kaunseling sama ada kaedah kaunseling *brief* ataupun kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada lebih berkesan bagi mengurangkan kadar ponteng sekolah. Elemen tambahan yang diberi perhatian adalah penghargaan sendiri subjek terlibat. Penghargaan sendiri subjek mempunyai hubungan dengan kadar ponteng sekolah (Reid, 2000).

Permasalahan seterusnya yang dihadapi oleh guru kaunseling di sekolah adalah batasan masa dalam mengendalikan sesi kaunseling individu. Permasalahan yang dikemukakan ini disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Gibson (1990) dan Partin (1993). Gibson (1990) mendapati bahawa guru kaunseling memperuntukan purata 29% masa dalam mengendalikan sesi kaunseling individu, 19% untuk aktiviti yang berkaitan dengan tugas-tugas pentadbiran dan 19% untuk tugas-tugas perkeranian.

peruntukan masa sebenar dan peruntukan masa ideal bagi seseorang guru kaunseling. Guru kaunseling lebih memperuntukan masa dalam khidmat kaunseling individu, kaunseling kelompok dan aktiviti perkembangan profesional. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keadaan sebenarnya guru kaunseling memperuntukan sebanyak 29% daripada masanya untuk menyediakan khidmat kaunseling individu, sebaliknya secara ideal 33% daripada masa tersebut perlu diperuntukkan untuk khidmat kaunseling individu.

Dapatan kajian yang dilakukan oleh Partin (1993) adalah bersamaan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Gibson (1990). Persamaan tersebut adalah guru kaunseling memperuntukkan sebanyak 29% masa kerja mereka untuk menawarkan khidmat kaunseling individu. Ini menunjukkan bahawa guru kaunseling mempunyai batasan masa dalam menawarkan khidmat kaunseling individu kepada pelajar. Situasi sebegini menunjukkan keperluan untuk mengenengahkan suatu kaedah alternatif iaitu kaedah kaunseling *brief* di sekolah yang berhadapan dengan masalah kesuntukan masa dan bebanan tugas yang pelbagai.

Aspek seterusnya adalah kesanggupan pelajar untuk menghadirkan diri bagi mendapatkan khidmat kaunseling individu juga perlu diberi pertimbangan. Memandangkan tidak semua pelajar gemar untuk menghadirkan diri bagi mendapatkan khidmat kaunseling individu. Terdapat pelajar yang tidak menghadirkan diri untuk sesi seterusnya selepas sesi pertama dilalui. Situasi sebegini membuatkan guru kaunseling tidak berpuas hati dan merasa kecewa kerana perkhidmatan kaunseling individu yang ditawarkan tidak dapat disempurnakan dengan jayanya. Association for Student Counselling (ASC, 1995) dalam Bell (1996) melaporkan tentang kekerapan pelajar pendidikan tinggi dan pelajar pendidikan lanjutan menghadirkan diri untuk mendapatkan khidmat kaunseling individu (rujuk Jadual 1.1).

Jadual 1.1
Kekerapan Pelajar Mendapatkan Khidmat Kaunseling Individu

Bilangan Sesi Kaunseling	Kategori Pelajar	Peratusan Pelajar
1-3 sesi	Pelajar pendidikan tinggi	50%
	Pelajar pendidikan lanjutan	70%
8 sesi	Pelajar pendidikan tinggi	10%
	Pelajar pendidikan lanjutan	20%
Lebih daripada 16 sesi	Pelajar pendidikan tinggi	3%
	Pelajar pendidikan lanjutan	5%


Sumber:: Adaptasi daripada ASC (1995) dalam Bell, E. (1996). *Counselling in further and higher education*

Merujuk kepada Jadual 1.1 di atas, bilangan pelajar lebih ramai berjumpa dengan guru kaunseling adalah sebanyak satu hingga tiga sesi sahaja. Biasanya pelajar datang dengan isu-isu yang spesifik di mana ia memerlukan pendekatan yang mempunyai fokus kepada masalah. Situasi begini wujud kerana sebilangan pelajar hanya menghadirkan diri untuk mendapatkan khidmat kaunseling individu pada situasi krisis. Namun apabila strategi penyelesaian masalah terbentuk, pelajar merasakan kurang keperluan untuk mendapatkan khidmat kaunseling individu semula. Terdapat pelajar yang tidak menghadirkan diri semula kerana rasa kecewa dengan hubungan yang telah dibentuk dengan guru kaunseling. Kemungkinan diri pelajar itu sendiri tidak mempunyai kapasiti atau keupayaan untuk meneruskan perhubungan sesi kaunseling dengan guru kaunseling. Seterusnya pula ada pelajar yang dirujuk kepada agensi yang bersesuaian dengan isu yang dikemukakan oleh pelajar (Bell, 1996).

Dalam konteks ini, perkhidmatan kaunseling *brief* adalah difikirkan lebih bersesuaian kerana bilangan sesi adalah dihadkan kepada dua sesi kaunseling dan dua sesi susulan untuk kajian ini. Jadi, ini dapat mengurangkan keadaan penamatan pramatang di dalam mengendalikan sesi kaunseling individu. Terutamanya pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah sudah pasti sukar untuk menghadirkan diri bagi mendapatkan khidmat kaunseling individu yang melibatkan bilangan sesi

yang banyak. Lantaran difikirkan pelaksanaan kaunseling *brief* dalam kalangan subjek yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah dapat memberi kesan terhadap pengurangan kadar ponteng dalam kalangan subjek lelaki dan perempuan. Di samping itu kajian ini juga menunjukkan bahawa kaedah kaunseling *brief* dapat meningkatkan penghargaan sendiri subjek yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah dengan lebih cepat berbanding dengan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada .

Senario seterusnya adalah berkenaan dengan isu dan bilangan sesi kaunseling individu yang dikendalikan oleh guru kaunseling. Satu kajian penerokaan telah dijalankan ke atas 61 orang guru kaunseling di sekitar negeri Kedah dan Pulau Pinang (rujuk Lampiran B). Kajian penerokaan ini bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan dengan isu dan bilangan sesi kaunseling individu yang dikendalikan oleh guru kaunseling dari bulan Januari sehingga Jun 2002. Dapatan kajian menunjukkan peratusan tertinggi adalah dalam kategori bilangan sesi satu hingga dua sesi (60.58%). Diikuti dengan 30.43% untuk tiga hingga empat sesi, manakala bagi lima sesi dan lebih daripada lima sesi adalah sebanyak 8.99% (rujuk Rajah 1.1). Kajian juga mendapati bahawa kesemua kategori isu (akademik, kerjaya, psikososial, kesihatan mental, keibubapaan dan lain-lain) paling tinggi dikendalikan dengan menggunakan kaunseling satu hingga dua sesi.



Rajah 1.1. Isu Dan Bilangan Sesi Kaunseling Individu

Tiga isu utama yang dikendalikan oleh guru kaunseling ialah isu berkaitan dengan akademik, psikososial dan kerjaya. Bagi kategori isu akademik terdapat sebanyak 1326 kes, isu psikososial sebanyak 1125 kes manakala bagi isu kerjaya sebanyak 1019 kes.

Seterusnya adalah pecahan bilangan sesi yang dikendalikan mengikut tiga kategori isu yang utama. Bagi kategori isu akademik sebanyak 55.43% sesi dikendalikan dengan menggunakan kaunseling individu satu hingga dua sesi. Bagi isu psikososial sebanyak 60.89% daripada sesi dikendalikan dengan menggunakan kaunseling individu satu hingga dua sesi. Seterusnya sebanyak 63.98% daripada sesi bagi kategori isu kerjaya dikendalikan dengan menggunakan kaunseling individu satu hingga dua sesi.

Daripada kajian penerokaan menunjukkan isu psikososial adalah antara isu utama yang dikendalikan oleh guru kaunseling. Justeru kajian ini memberi tumpuan kepada isu ponteng sekolah yang merupakan cabang daripada isu psikososial. Pemilihan kategori pelajar (ponteng sekolah) ini disokong oleh data yang diperoleh

Pulau Pinang (1998 hingga 2002) yang dikeluarkan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (rujuk Lampiran C). Berdasarkan data yang diperoleh menunjukkan bahawa kegiatan ponteng sekolah merupakan antara salah laku yang paling tinggi daripada keseluruhan jenis salah laku yang disenaraikan.

Berdasarkan maklumat awal yang telah diperoleh adalah penting untuk mengkaji aspek kaunseling *brief* yang telah diperkenalkan di negara barat. Ini memandangkan maklumat daripada kajian penerokaan yang telah dijalankan, mendapati bahawa guru kaunseling tersebut menggunakan kaunseling individu satu hingga dua sesi adalah lebih tinggi peratusannya berbanding dengan lebih daripada satu hingga dua sesi. Namun tiada maklumat lanjut berkaitan dengan penggunaan bilangan sesi yang terhad tersebut. Ini bermakna penggunaan bilangan sesi kaunseling individu yang terhad itu disebabkan oleh perancangan oleh pihak pentadbiran, penamatan sesi pramatang yang dirancang ataupun tiada perancangan langsung untuk menghadkan bilangan sesi (Burlingame & Fuhrman, 1987).

Berdasarkan pernyataan yang dikemukakan oleh Burlingame & Fuhrman (1987) kaedah kaunseling *brief* yang digunakan dalam kajian ini adalah mempunyai struktur yang dirancang secara konseptual. Lantaran kajian ini menyelidiki aspek-aspek kaunseling *brief* agar dapat digunakan oleh guru kaunseling dengan lebih sistematik.

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan perbezaan kesan penggunaan kaedah kaunseling *brief* dan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada oleh guru kaunseling dalam menawarkan khidmat kaunseling individu kepada subjek lelaki dan perempuan yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah. Kajian ini dapat menunjukkan sama ada penggunaan kaedah kaunseling *brief* ataupun kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada berkesan dalam mengurangkan kadar kegiatan ponteng sekolah dan meningkatkan penghargaan sendiri subjek tersebut.

faktor jantina subjek terhadap penerimaan kaedah kaunseling *brief* berbanding dengan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada. Dalam erti kata lain adalah sama ada kaedah kaunseling *brief* lebih berkesan dalam kalangan subjek lelaki ataupun subjek perempuan yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah. Rasional bagi melihat perbezaan jantina subjek terhadap penerimaan kesan kaedah kaunseling *brief* dan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada adalah berdasarkan pernyataan yang dikemukakan daripada perspektif kaunseling perkembangan.

Berdasarkan perspektif kaunseling perkembangan subjek lelaki dan perempuan adalah berbeza daripada aspek perasaan, kebergantungan dan sosial (Blocher, 2000). Lelaki dikatakan kurang menekankan kepada aspek perasaan berbanding perempuan. Begitu juga bagi aspek kebergantungan, lelaki adalah lebih berdikari berbanding perempuan. Perempuan dikatakan lebih bergantung ataupun kurang berdikari. Perbezaan ciri-ciri yang ada pada subjek lelaki dan subjek perempuan menunjukkan perbezaan terhadap penerimaan kaedah kaunseling *brief* berbanding kaedah kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada. Selaras dengan itu Kottler & Brown (2000) menyatakan bahawa kaunseling *brief* adalah lebih berorientasikan kepada lelaki kerana menekankan aspek penyelesaian masalah. Begitu juga bagi aspek penghargaan sendiri, didapati pelajar perempuan mempunyai penghargaan sendiri yang lebih rendah berbanding dengan pelajar lelaki (Lahey, 2001).

Kaedah kaunseling *brief* yang diketengahkan sebagai suatu kaedah alternatif dalam pengendalian khidmat kaunseling individu terutamanya bagi mengurangkan kadar ponteng dan meningkatkan penghargaan sendiri adalah berdasarkan kejayaan kaunseling *brief* di negara barat. Memandangkan kajian di negara barat jelas menunjukkan keberkesanan penggunaan kaedah kaunseling *brief* dalam menawarkan perkhidmatan kaunseling individu kepada pelbagai kategori isu dan

didapati kaedah kaunseling *brief* berkesan dan membawa perubahan yang efektif (Bruce & Hopper, 1997; Littrell, Malia & Vanderwood, 1995; Littrell, Malia, Nichols, Olson, Nesselhuf & Crandell, 1992; Bruce 1995; Gluth & Kiselica, 1994; Littrell & Thompson 1998; Cruz & Littrell, 1998; dan Newsome, 2005).

1.4 Pernyataan Masalah

Dewasa ini pelbagai masalah yang melibatkan pelajar sekolah membimbangkan banyak pihak. Apabila masalah yang melibatkan pelajar sekolah, individu yang akan berhadapan dengan pelajar ini adalah guru kaunseling sekolah tersebut. Perkara sebegini telah menjadi lumrah dalam sistem pendidikan sekolah di Malaysia. Guru kaunseling akan diberi tanggungjawab untuk menawarkan khidmat kaunseling kepada pelajar yang mempunyai masalah sama ada yang serius ataupun yang tidak serius.

Berdasarkan Rekod Analisis Salah Laku Murid Sekolah Menengah dan Rendah Negeri Pulau Pinang (1998 hingga 2002) yang dikeluarkan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Pendidikan Pulau Pinang (rujuk Lampiran C), ponteng sekolah adalah antara kategori salah laku yang tertinggi daripada keseluruhan jenis salah laku yang terdapat dalam rekod analisis salah laku tersebut. Pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah akan dirujuk kepada guru kaunseling untuk mendapatkan khidmat kaunseling. Dapat dibayangkan tanggungjawab seorang guru kaunseling bukan hanya kepada pelajar bermasalah, kepada pelajar lain yang tidak bermasalah turut memerlukan khidmat kaunseling seperti kaunseling perkembangan dan kaunseling kerjaya. Lantaran guru kaunseling berhadapan dengan batasan masa dalam menawarkan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar terutamanya khidmat kaunseling individu.

Justeru kajian ini dapat menyediakan maklumat yang berguna berkaitan perbezaan kesan penggunaan kaedah kaunseling *brief* berbanding kumpulan

dan perempuan yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah. Penggunaan kaedah kaunseling *brief* terhadap subjek lelaki dan perempuan mampu meningkatkan penghargaan sendiri dan mengurangkan kadar ponteng sekolah. Lantas kaedah kaunseling *brief* ini haruslah didedahkan dan diperkenalkan kepada guru kaunseling di sekolah, terutamanya guru kaunseling yang berhadapan dengan masalah batasan masa dan bebanan tugas yang pelbagai.

Di samping itu nisbah guru kaunseling kepada pelajar juga tidak menepati Pekeliling Ikhtisas Guru Kaunseling Sepenuh Masa (1996-2002) (rujuk Lampiran A) iaitu seorang guru kaunseling mempunyai lebih daripada seribu orang pelajar. Bukan sahaja nisbah guru kaunseling kepada pelajar tidak menepati kehendak pekeliiling yang dinyatakan di atas, namun terdapat pelbagai tugas lain yang harus dijalankan oleh seorang guru kaunseling. Sebagai contohnya tugas-tugas pentadbiran dan perkeranian. Inilah yang membuatkan guru kaunseling harus mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam mengendalikan sesi kaunseling individu dengan menggunakan kaedah kaunseling *brief*. Memandangkan kaedah kaunseling *brief* adalah berorientasikan tindakan, ringkas dan padat. Kaunseling *brief* dapat membantu subjek mencapai matlamat yang ditetapkan dengan cepat, seperti mana yang dikemukakan oleh Steenbarger (1992).

"The role of brief counseling is to accelerate this process through the creation of time limits and favorable therapeutic contexts." (Steenbarger, 1992)

Aspek seterusnya adalah kesediaan pelajar dalam menghadirkan diri untuk mendapatkan khidmat kaunseling juga membuatkan penggunaan kaedah kaunseling *brief* difikirkan lebih berkesan. Ini memandangkan sesi kaunseling tersebut hanya melibatkan dua sesi kaunseling individu dan dua sesi susulan. Perkara sebegini tentu mengurangkan beban kepada pelajar yang tidak gemar untuk hadir ke sesi kaunseling. Secara tidak langsung penggunaan kaedah kaunseling *brief* dapat mengurangkan penamatan sesi kaunseling individu secara pramatang.

pelajar yang mempunyai rekod salah laku. Pelajar sebegini perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Namun guru kaunseling juga tidak terkecuali daripada berhadapan dengan pelbagai tugas yang memerlukan masa dan tenaga seorang guru kaunseling. Lantaran itu guru kaunseling berhadapan dengan batasan masa dalam menawarkan perkhidmatan kaunseling individu kepada pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah bagi mengurangkan kadar ponteng sekolah dan meningkatkan penghargaan sendiri.

Kaunseling kelompok tidak dipilih dalam mengendalikan sesi kaunseling dengan pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah kerana agak sukar mengumpulkan pelajar tersebut dalam satu masa. Masalah ponteng sekolah melibatkan aspek peribadi seseorang pelajar, jadi perkongsian maklumat sukar dilakukan dalam sesi kaunseling kelompok. Melainkan ia memakan bilangan sesi kaunseling kelompok yang banyak untuk mewujudkan kejelekitan antara ahli kelompok, barulah perkongsian akan berlaku di dalam kelompok. Bagi isu-isu yang melibatkan aspek akademik ataupun kerjaya, kaunseling kelompok mungkin lebih sesuai. Ini kerana aspek-aspek akademik ataupun kerjaya kurang melibatkan isu-isu peribadi. Rasional yang dikemukakan ini membuatkan kaunseling individu dipilih berbanding kaunseling kelompok dalam mengendalikan sesi kaunseling dengan pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah.

1.5 Rasional Kajian

Guru kaunseling yang terlatih telah didedahkan dengan pelbagai pendekatan dan kaedah dalam mengendalikan sesi kaunseling, terutamanya kaunseling individu. Namun secara praktikal guru kaunseling menghadapi pelbagai kekangan dalam mempraktikkan secara total pendekatan kaunseling yang dipelajari, contohnya teori penumpuan insan, tingkah laku ataupun kognitif tingkah laku. Ini memandangkan segala pendekatan yang berasaskan teori-teori yang dikemukakan itu memerlukan

masa yang panjang dalam menyempurnakan sesuatu sesi kaunseling dan memerlukan komitmen daripada pelajar yang menjadi klien di dalam sesi tersebut.

Bagaimanapun guru kaunseling tidak terkecuali dalam menawarkan perkhidmatan kaunseling individu kepada pelajar terutamanya pelajar yang terlibat di dalam kegiatan ponteng sekolah. Kajian tentang penggunaan kaedah kaunseling *brief* ini amat penting kerana Bakhtiar Mansor (1988) menjelaskan bahawa kes-kes ponteng sekolah dihadapi dengan cara yang kurang memuaskan dan bahkan banyak kes dibiarkan sahaja. Ini menampakkan kepentingan perkhidmatan kaunseling untuk diberikan kepada semua pelajar terutamanya pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah.

Justeru, guru kaunseling haruslah dibekalkan dengan latihan dan ilmu pengetahuan yang mencukupi bagi berdepan dengan pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah. Tanpa kepakaran dan kemampuan yang sewajarnya untuk berdepan dengan pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah, perkhidmatan yang ditawarkan tidak akan dapat membantu pelajar berikut untuk bebas daripada kepompong tersebut. Fenomena ini dijelaskan oleh Murgatroyd (1987);

"A counselling strategy not carefully planned, or based upon a wrong reading of underlying motives of the pupil's experience, may become a part of the pupil's problem rather than a part of the solution to that problem". (Murgatroyd, 1987, ms.130)

Pernyataan sebegini menjelaskan kepentingan perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan oleh seseorang guru kaunseling itu haruslah mempunyai perancangan yang sistematik dan berkualiti. Perlaksanaan sesi kaunseling juga haruslah efektif semasa mengendalikan sesi kaunseling dengan pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah.

Pemilihan kaedah kaunseling *brief* untuk diketengahkan dalam kajian ini berdasarkan kajian-kajian lalu menjelaskan kejayaan kaedah ini dalam mengendalikan sesi kaunseling dengan pelajar yang berhadapan dengan pelbagai

masalah. Lines (2002) turut menyokong penggunaan kaedah kaunseling *brief* dalam konteks kaunseling di sekolah. Bagaimanapun Lines (2002) menjelaskan bahawa kaedah kaunseling *brief* mampu meningkatkan penghargaan sendiri pelajar terutamanya bagi pelajar yang berhadapan dengan masalah. Peningkatan penghargaan sendiri ini dipentingkan kerana penghargaan sendiri yang rendah merupakan faktor yang menyumbang kepada kegiatan ponteng sekolah (Reid, 2000). Lantaran penghargaan sendiri yang tinggi membolehkan pelajar untuk berdepan dengan masalah yang dihadapi, dan seterusnya berjaya dalam dunia pendidikan. Secara tidak langsung kadar ponteng sekolah dalam kalangan pelajar dapat dikurangkan.

Kegiatan ponteng sekolah menjadi fokus kajian ini dalam menentukan penggunaan kaedah kaunseling *brief* berbanding kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada. Ini kerana kegiatan ponteng sekolah adalah merupakan salah satu masalah salah laku yang paling tinggi dalam kalangan pelajar di sekolah (rujuk Lampiran C). Kegiatan ponteng sekolah yang tidak dibendung akan membawa kepada pelbagai masalah lain seperti pecah rumah, mencuri dan pelbagai masalah sosial yang lain. Pendek kata kegiatan ponteng sekolah mempunyai hubungan dengan kegiatan delinkuen dan juvana (Tom, 1997).

Sehubungan dengan itu pengkajian tentang penggunaan kaedah kaunseling *brief* berbanding dengan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada dan kawalan wajar dijalankan. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti perbezaan kesan antara kaedah kaunseling *brief* berbanding kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada dan kawalan dalam mengurangkan kadar ponteng dan meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam kegiatan ponteng sekolah.

Kaedah kaunseling *brief* diperkenalkan dan dikaji memandangkan kaedah kaunseling *brief* lebih efisien dan efektif daripada segi masa, tenaga dan kos berbanding dengan kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada.

Penggunaan kaedah kaunseling *brief* merupakan suatu alternatif kepada guru kaunseling bagi memantapkan lagi profesion mereka berdasarkan arus perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan dewasa ini yang semakin mencabar. Walaupun guru kaunseling di sekolah berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kesuntukan masa dan bebanan tugas yang pelbagai (Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, 2003), diharapkan guru kaunseling tetap berketrampilan dalam menjalankan tugas tersebut dengan adanya kemahiran dalam pengendalian sesi kaunseling yang menggunakan kaedah kaunseling *brief*.

Di samping itu kumpulan kawalan berfungsi dalam kajian ini bagi melihat sama ada pelajar yang tidak mendapat apa-apa khidmat kaunseling mampu meningkatkan penghargaan sendiri dan mengurangkan kadar ponteng. Kesimpulannya kajian ini menunjukkan perbezaan kesan antara kumpulan kaunseling *brief* (KKB), kumpulan kaunseling yang menggunakan pendekatan sedia ada (KKPS) dan kumpulan kawalan (KK) terhadap kadar ponteng sekolah dan penghargaan sendiri subjek lelaki dan perempuan.

Ketiga-tiga kumpulan ini dinilai berdasarkan dua pendekatan iaitu pendekatan kajian kuantitatif dan pendekatan kajian kualitatif seperti mana yang dilakukan oleh Littrell, Malia & Vanderwood (1995). Variabel bersandar yang dinilai secara kuantitatif adalah merupakan kadar ponteng sekolah dan penghargaan sendiri subjek tersebut.

Berdasarkan pendekatan kajian kualitatif pula, pengkaji melakukan temu bual berstruktur dalam dua fasa, iaitu fasa penerokaan dan fasa penamatan. Temu bual berstruktur dilakukan terhadap lapan orang guru kaunseling dan 24 orang subjek. Subjek kajian kes ditemu bual tentang pandangan mereka terhadap perkhidmatan kaunseling, kegiatan ponteng sekolah dan penghargaan sendiri subjek terlibat. Maklumat seterusnya yang diterokai adalah tentang perhubungan, kesediaan, penerimaan, proses kaunseling, pencapaian matlamat sesi kaunseling dan bilangan sesi kaunseling yang telah dilalui.